

# Hasrat Datuk Musa perkara biasa

BM 26 FEB 1990

**SEREMBAN:** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang menyatakan kesediaannya untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno sebagai 'perkara biasa'.

"Dalam Umno, kita benarkan pertandingan, siapa yang nak bertanding... bertandinglah. Tumpuan kita sekarang ialah terhadap pilihanraya," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Datuk Musa di New York, kelmarin.

Datuk Musa juga tidak menolak kemungkinan bertanding jawatan ahli biasa Majlis Tertinggi Umno.

Sementara itu, di Kelana Jaya, Naib Presiden Umno, Encik Anwar Ibrahim, ketika diminta mengulas mengenai kenyataan

Datuk Musa itu, menjelaskan: "Umno adalah parti yang mengamalkan demokrasi. Sesiapa saja bebas bertanding."

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tumpuan utama ialah bersiap sedia menghadapi pilihanraya umum.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Sanusi Junid pula berkata sesiapa pun boleh merebut jawatan Naib Presiden Umno.

Ini kerana Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menyatakan jawatan itu terbuka untuk dipertandingkan.

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin pula menasihatkan pemimpin Umno semua peringkat supaya lebih menumpukan perhatian kepada pilihanraya umum akan datang.